



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### CRADLE DAN VENTURETECH JALIN KOLABORASI UNTUK MERAPATKAN JURANG PENDANAAN DALAM EKOSISTEM STARTUP MALAYSIA

---

**KUALA LUMPUR, 16 Ogos 2024** – Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), sebuah agensi fokal bagi ekosistem *startup* Malaysia, dan VentureTECH Sdn Bhd (VentureTECH), sebuah syarikat pelaburan berimpak tinggi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia, telah menjalankan kerjasama strategik yang bertujuan untuk menggalakkan perbincangan dua hala yang lancar antara penyedia dana dalam sektor Kerajaan dan swasta.

Kerjasama ini merupakan sebahagian daripada program *Fund Funnel*, iaitu sebuah inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menangani salah satu cabaran kritikal yang telah dikenal pasti dalam ekosistem *startup* Malaysia, iaitu kekurangan dalam kesalinghubungan sokongan kewangan daripada peringkat awal hingga ke peringkat-peringkat seterusnya. Jurang ini juga telah dikenal pasti dalam Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030 sebagai salah satu cabaran yang dihadapi oleh pemain ekosistem.

Menekankan kepentingan program *Fund Funnel* ini, **YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri MOSTI** menegaskan, “Kerjasama *Fund Funnel* adalah langkah strategik untuk menyelaraskan proses pendanaan dalam ekosistem *startup* Malaysia, selari dengan aspirasi Pelan Tindakan KL20. Dengan memupuk kerjasama yang lebih kukuh antara penyedia dana awal hingga ke peringkat akhir, inisiatif ini dapat memudahkan perjalanan pendanaan yang lebih lancar untuk *startup* kami.

“Selaras dengan rangka kerja Ekonomi MADANI, inisiatif ini penting dalam memastikan bahawa *startup* yang berinovasi tinggi menerima sokongan yang mereka perlukan dalam mengembangkan usaha niaga mereka, dan seterusnya memacu pertumbuhan Malaysia sebagai hab inovasi global,” katanya.

Mengulas mengenai kerjasama antara Cradle dan VentureTECH, **Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle** berkata, “Kerjasama antara Cradle dan VentureTECH merupakan satu langkah yang dinamik dalam misi kami untuk menyokong ekosistem *startup* di Malaysia. Dengan menggabungkan kepakaran Cradle dalam pendanaan peringkat awal serta kepakaran VentureTECH dalam pelaburan berasaskan teknologi, kami membina sebuah sistem sokongan yang lebih komprehensif untuk *startup*. Kerjasama ini akan membolehkan kami mengenal pasti dan memupuk *startup* yang berpotensi tinggi serta memastikan mereka mempunyai sumber dan bimbingan yang diperlukan untuk mencapai kejayaan jangka panjang,” katanya.

**Ahmad Redzuan Sidek, Ketua Pegawai Eksekutif VentureTECH**, berkata “Kerjasama yang dijalankan bersama Cradle ini mencerminkan komitmen VentureTECH dalam menyokong ekosistem *startup* Malaysia dengan merapatkan jurang pendanaan. Kerjasama ini bukan sahaja selaras dengan misi kami dalam memperkasa syarikat berasaskan teknologi, tetapi juga mengukuhkan landskap pelaburan secara keseluruhan. Fokus kami adalah untuk memastikan syarikat-syarikat ini dapat mengakses pembiayaan yang bersesuaian dengan matlamat untuk memacu *startup* berpotensi tinggi. Dalam masa yang sama, ini juga akan menyumbang kepada pertumbuhan yang mampan dan melengkapkan mereka dengan sumber yang diperlukan untuk berjaya dalam pasaran global yang kompetitif.”

Intervensi 2 yang digariskan dalam SUPER mendesak keperluan untuk membina semula rangka kerja tarikan pelaburan bagi meningkatkan kecekapan serta menarik pelaburan yang berkualiti tinggi. Kerjasama antara Cradle dan VentureTECH secara langsung menangani isu ini dengan mewujudkan kesalinghubungan laluan pembiayaan yang berterusan untuk *startup* serta memastikan peralihan yang lebih lancar daripada pelaburan peringkat awal ke peringkat-peringkat seterusnya.

VentureTECH memberi fokus kepada pertumbuhan industri tempatan melalui pembiayaan dalam syarikat Bumiputera di mana pelaburan ekuitinya tertumpu kepada industri berteknologi bernilai tinggi dengan penekanan kepada bioteknologi, industri berdasarkan bio, industri hijau dan industri yang sedang berkembang. Selain pelaburan modal, VentureTECH juga menyediakan sokongan strategik, bimbingan, dan jaringan industri dengan matlamat untuk memupuk idea-idea inovatif yang menunjukkan potensi pertumbuhan tinggi dan model perniagaan yang boleh diukur untuk kemampanan.

Kerjasama antara Cradle dan VentureTECH telah dimeterai secara rasmi dengan pertukaran perjanjian perkongsian di Malaysia Commercialisation Year (MCY) Summit 2024 baru-baru ini. Kerjasama ini telah disaksikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Haji Mohammad Yusof Bin Apdal.

## #TAMAT#

Disediakan oleh

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**16 Ogos 2024**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Elmy Fairuz Azmi**  
PR & Media  
Komunikasi Strategik  
Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)  
+6012-271 3457  
[elmy@cradle.com.my](mailto:elmy@cradle.com.my)

\*Maklumat tambahan boleh didapati di [Kit Media](#).